

4 inisiatif perangi Covid-19

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan memfokuskan empat inisiatif utama dalam matlamat memerangi wabak Covid-19 menerusi pakej bantuan Perlindungan Ekonomi Rakyat Malaysia (Permai) yang diumumkan semalam.

Ini termasuk menyediakan dana tambahan sebanyak RM1 bilion merangkumi hampir RM800 juta kepada Kementerian Kesihatan dan selebihnya kepada Majlis Keselamatan Negara dan agensi lain yang terlibat.

Penyediaan peruntukan itu menumpukan kepada bekalan antaranya tambahan reagen dan kit saringan, serta peralatan perlindungan diri (PPE) terutama kepada petugas kesihatan.

"Inisiatif pertama ialah melaksanakan Program Vaksinasi Covid-19 yang kini on-track.

"Kerajaan telah menandatangani tiga perjanjian dengan syarikat pengeluar vaksin dan dijangka menerima bekalan vaksin yang pertama pada pen-



MUHYIDDIN YASSIN

ghujung bulan Februari nanti," kata Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam perutusan Pakej Bantuan Khas, semalam.

Katanya, melalui Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 yang ditubuhkan, kerajaan akan memastikan ketelusan perolehan vaksin dan Program Imunisasi Kebangsaan akan diberi perhatian utama dengan peruntukan RM3 bilion.

"Kumpulan pertama dijangka menerima vaksin pada awal Mac dan dapat meliputi lebih 80 peratus atau hampir 27 juta penduduk Malaysia menjelang suku pertama tahun 2022," katanya.

Melalui inisiatif kedua iaitu Mengukuhkan Sistem Kesihatan Negara, Perdana Menteri berkata, seramai 8,000 petugas kesihatan tambahan untuk Kementerian Kesihatan telah diluluskan pada tahun lalu.

Mengambil kira situasi semasa, katanya, kerajaan akan menambah lebih daripada 3,500 anggota kesihatan yang mula bertugas pada hujung bulan ini, dengan peruntukan tambahan RM150 juta terdiri daripada penolong pegawai perubatan, paramedik, juruteknologi makmal dan jururawat.

"Saya memberi jaminan, sekiranya terdapat keperluan akan datang dan bagi menggerakkan program imunisasi kelak, kerajaan bersedia menambah pengambilan baharu.

"Seperti yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2021, pemberian *one-off* sebanyak RM500 kepada semua petugas

barisan hadapan kesihatan, RM300 ringgit kepada petugas barisan hadapan yang lain akan mula dibayar dalam suku tahun pertama tahun ini manakala bayaran bulanan sedia ada yang diterima sebanyak RM600 (petugas barisan hadapan kesihatan) dan RM200 (petugas barisan hadapan lain) akan tetap diteruskan sehingga wabak Covid-19 berakhir," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, bagi meningkatkan kerjasama dengan hospital swasta di bawah inisiatif ketiga, hospital swasta bersetuju untuk menerima dan merawat kedua-dua pesakit Covid-19 dan bukan Covid-19 bagi meringankan tekanan kepada sistem kesihatan awam dengan peruntukan RM100 juta.

Selain itu, kata beliau, saringan kesihatan pekerja akan diperkukuhkan di bawah inisiatif keempat sebagai memahami kerisauan rakyat mengenai jangkitan Covid-19 dalam kalangan pekerja asing, terutamanya mereka yang bekerja di tapak pembinaan dan kilang.